



## **Warga UMP diseru realisasikan hasrat PM dalam 1Malaysia**

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyingskap hasrat Perdana Menteri Malaysia , Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menerusi slogan `1Malaysia' ketika menyampaikan Pidato Khas Sempena Satu Tahun Pentadbiran beliau sebagai Naib Canselor UMP baru-baru ini di Astaka, UMP.

Menurut beliau, sebagai sebuah universiti yang menjadi agen perubahan masyarakat slogan 1Malaysia amat kosisten dengan slogan yang diperkenalkan sejak pertama kali beliau melangkah ke UMP iaitu `Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi dan Dipandui Prestasi'.

"1Malaysia menuntut warga negara mengenal diri sebagai satu bangsa Malaysia yang bebas daripada belenggu perbezaan semula jadi seperti etnik, agama, budaya, bahasa, dan loghat.

"Ianya menjanjikan peluang yang terbuka setiap warga Malaysia untuk gigih berusaha dengan menitikberatkan kepentingan hal ehwal kemanusiaan.

"Melihat kepada perspektif universiti, masyarakat di UMP tidak menggambarkan masyarakat Malaysia dengan kepelbagaiannya kaum, memandangkan kajian menunjukkan majoriti staf di UMP berbangsa Melayu," ujarnya lagi di hadapan kira-kira 500 orang staf ketika menyampaikan pidato bertajuk '1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan: Pengertian dan Amalan Untuk UMP'.

Namun begitu katanya, pendekatan 1Malaysia di UMP diertikan sebagai warganya mempunyai satu tujuan (*one purpose*), satu tekad dan komitmen, berkongsi nilai sejagat yang murni untuk mencapai objektif organisasi dan aspirasi individu.

Jelasnya, kepelbagaiannya gred jawatan, pangkat, kepakaran dan pengkhususan tidak seharusnya menjadi punca kurangnya pemuaafakan.

"UMP sebagai institusi berteraskan pengetahuan menjunjung tinggi para ilmuan, buah fikiran, perbezaan, pendapat dan kepelbagaiannya pandangan yang menjurus kepada kreativiti, inovasi dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

"Dalam menekankan slogan `Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi dan Diipandui Prestasi', pencapaian pasti diutamakan.

"Dengan menziarahi semula kaedah kita menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi (LPP), pencapaian tugas akan diutamakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pencapaian bukan sekadar menyenaraikan apa yang telah kita lakukan dan telah berlaku malah ia adalah hasil yang dinilai dari segi kesan dan impak.

Terdahulu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir mengimbas sejarah setahun berlalu bagi membuat penilaian tentang apa yang dicapai berdasarkan beberapa perkara yang boleh diukur berdasarkan akauntabilitinya sebagai pemimpin di UMP.

Antaranya ialah jumlah pelajar siswazah pada masa ini akan mencecah kepada 5,700 orang pada penghujung tahun ini dan geran penyelidikan pula meningkat kepada 5 juta berbanding 3 juta sebelum ini.

Turut hadir pegawai utama universiti dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).